

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 26 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1531-L11278
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan dilakukan untuk memperkasakan bidang kuasa dan menyeragamkan Mahkamah Syariah di seluruh negeri berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Peruntukan Undang-undang sedia ada.
2. PN-1531-L10668
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah inisiatif terkini yang dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap dasar kebersihan negara dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kawasan perumahan, bandar dan kawasan komersial kekal bersih dan teratur.
3. PN-1531-L10882
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada Klinik Kesihatan Sarikei menerusi program Bitara MADANI dan apakah projek-projek yang akan dinaik taraf di klinik tersebut.
4. PN-1531-L11409
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan mekanisme yang dilaksanakan untuk memastikan setiap penerbit filem benar-benar mendapatkan Lesen Hiburan Awam Kanak-Kanak dan Orang Muda sebelum mengambil seorang kanak-kanak sebagai pelakon rentetan daripada pendedahan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berkenaan 73.13% penerbit filem tidak peka terhadap keperluan permohonan lesen tersebut.

5. PN-1531-L10776
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menjalankan inisiatif tanaman pertanian berkelompok dan penyediaan benih tanaman kontan terutamanya di kawasan perkampungan di pedalaman bagi mengurangkan kos barang makanan.
6. PN-1531-L10633
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan-tindakan Kementerian dalam menangani masalah banjir warga asing terutamanya dari Pakistan yang semakin bertambah di Sg. Asap, Belaga.
7. PN-1531-L11122
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada rancangan Kerajaan untuk menyelaraskan semula sistem pendidikan prasekolah bagi prasekolah Kerajaan di seluruh negara akan merangkumi sistem prasekolah yang ditubuhkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat.
8. PN-1531-L11431
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membangunkan pelabuhan-pelabuhan Sabah sebagai persediaan menghadapi banjir jumlah kapal yang tinggi sekiranya Nusantara menjadi ibu negara Indonesia.
9. PN-1531-L10688
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah dan perancangan Kementerian untuk memastikan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang seharusnya layak menerima bantuan tidak tercicir.
10. PN-1531-L11324
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status kualiti dan keselamatan jalan raya negara yang sebahagian besar telah menghampiri akhir tempoh hayat.

11. PN-1531-L11023

Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk penambahbaikan semakan bagi modul pengambilan anggota dan pegawai baharu Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang sedang diusahakan oleh Kementerian susulan kewujudan beberapa kes salah laku kebelakangan ini dan apakah penekanan terbaharu yang diwujudkan bagi memperkemas disiplin dan integriti anggota PDRM.

12. PN-1531-L10976

Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian dalam memastikan bahawa pelajar-pelajar sekolah sukan di negara ini dapat menyeimbangkan aktiviti latihan sukan dengan kelas akademik bagi memastikan bahawa mereka terus maju dalam kedua-dua bidang.

13. PN-1531-L10709

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah pendirian pihak Kerajaan mengenai isu penggunaan kultur tisu sebagai sumber bahan tanaman atau sumber benih bagi tanaman nanas MD2.

14. PN-1531-L11246

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi pihak Kerajaan untuk menggalakkan golongan doktor muda dan pegawai perubatan agar terus kekal berkhidmat di dalam negara berbanding luar negara sekaligus mengatasi masalah kekurangan doktor dan pegawai perubatan di hospital awam serta swasta.

15. PN-1531-L10756

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memulihara dan memajukan 200 tapak warisan geologi bertaraf kebangsaan berasaskan kriteria saintifik, estetik, budaya dan rekreasi yang telah dikenal pasti sejak tahun 1996.

16. PN-1531-L11065
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat meningkatkan penguatkuasaan dan tatakelola perundangan permit kutipan bagi semua tagihan derma awam atau pendanaan awam (*crowdfunding*) sebagai inisiatif oleh NGO, yayasan atau entiti korporat dan agensi kerajaan bebas penyelewengan, jenayah AMLA dan lencongan matlamat kutipan.
17. PN-1531-L10915
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha untuk membawa balik Jho Low ke Malaysia kerana sudah setahun lebih Kerajaan berkuasa namun lokasi pembelot utama negara ini masih lagi belum diketahui serta benarkah Kerajaan begitu serius untuk memberkas Jho Low dan membawa beliau untuk dihadapkan ke muka pengadilan di Malaysia.
18. PN-1531-L10734
Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah pelaksanaan program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) hasil kerjasama Malaysia-Jepun akan dimulakan dan adakah pihak Kerajaan akan memulakan projek rintis terlebih dahulu bagi mengukur keberkesanan program kerjasama ini.
19. PN-1531-L11361
Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan strategi penguatkuasaan ke atas kenderaan asing yang menggunakan petrol bersubsidi terutamanya di sempadan negara.
20. PN-1531-L10746
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan melibatkan organisasi masyarakat sivil dan sektor swasta untuk bersama-sama memperbaiki usaha antirasuah dan mempromosikan tata kelola yang baik.
21. PN-1531-L11287
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah tokoh belia yang dilibatkan dalam Lembaga Pengarah Universiti di universiti-universiti awam di Malaysia.

22. PN-1531-L11178

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status sistem-sistem sedia ada seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) sekiranya sistem PADU digunakan sepenuhnya dan bagaimana sistem PADU dapat mengatasi kelemahan sistem-sistem sebelum ini.

23. PN-1531-L11162

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam memelihara biodiversiti dan perhutanan berikutan pelan pembangunan Kelantan yang telah mendapat bantahan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) yang dikatakan akan menjejaskan ekosistem dan kehidupan Orang Asli di sekitar kawasan Negeri Kelantan.

24. PN-1531-L10656

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk memastikan undang-undang sivil di Malaysia bertepatan dengan piawaian prinsip hukum Syariah dalam usaha memurnikan kedua-dua undang-undang Syariah dan sivil.

25. PN-1531-L10678

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menangani isu-isu sosial dan kebajikan dalam komuniti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) seperti kesihatan, pendidikan dan perumahan.

26. PN-1531-L11141

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) status terkini penubuhan dan operasi Digital Nasional Berhad (DNB) serta entiti B dalam pembinaan rangkaian 5G Malaysia; dan
- (b) adakah sasaran kuantitatif, skop tempat liputan rangkaian dan garis masa pembinaan rangkaian 5G ini telah berubah berbanding yang telah diuar-uarkan pada awalnya.

27. PN-1531-L10956

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap perkembangan dalam Identiti Digital Nasional 2024 (MyDigital ID).

28. PN-1531-L10961
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan Kementerian untuk menyelaraskan pengajian prasekolah yang mempunyai beberapa kurikulum berlainan merentas beberapa Kementerian.
29. PN-1531-L10846
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam membantu para petani khususnya di wilayah utara yang sedang menghadapi musim kemarau dan cuaca yang panas melampau.
30. PN-1531-L10784
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah penambahan dan penyelarasan elaun bulanan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Wilayah Sarawak dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) yang baharu akan dilaksanakan mengikut model Johor dan Selangor selaras dengan keadaan peredaran ekonomi semasa.
31. PN-1531-L10811
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam isu banjir besar yang sering melanda Kampung Long Busang, Belaga, Sarawak sejak akhir-akhir ini sehingga mengakibatkan kemusnahan besar yang berulang kepada penduduk.
32. PN-1531-L11267
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana penguatkuasaan terhadap mana-mana warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan selaras dengan Undang-undang Kecil Penjaja dan Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian.
33. PN-1531-L11388
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memastikan majikan mematuhi Akta Kerja 1955 serta adakah tindakan hanya akan diambil terhadap majikan hanya selepas pekerja melakukan aduan kepada pihak Kementerian.

34. PN-1531-L10764

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan penilaian yang telah dibuat tentang keberkesanan agensi-agensi yang ditubuhkan khas untuk meningkatkan ekonomi Melayu dan Bumiputera seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), TEKUN, *Urban Development Authority* (UDA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta pelaksanaan langkah memperkasakannya.

35. PN-1531-L10808

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi sumbangan kepada Persatuan Ibu bapa Guru (PIBG) setiap tahun mengikut nisbah jumlah pelajar dan sekiranya ada, berapakah jumlah yang akan diberikan.

36. PN-1531-L10871

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan bagi Negeri Sarawak di bawah Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) pada tahun 2023.

37. PN-1531-L10889

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan justifikasi dan rasional Kementerian yang menghentikan bayaran doktor yang bekerja lebih masa di beberapa Klinik Kesihatan di Selangor pada hari Ahad dan cuti umum selain hanya membenarkan mereka memohon cuti gantian.

38. PN-1531-L11232

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pesara kerajaan dan kakitangan awam yang memilih skim pencen.

39. PN-1531-L11003

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah ringkasan perbincangan yang diadakan setakat ini dengan Kerajaan Singapura berkenaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS SEZ); dan
- (b) apakah garis masa penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan apakah sektor-sektor industri yang akan diutamakan.

40. PN-1531-L11318
Senator Datuk Razali bin Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan walaupun kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2023 bertambah baik tetapi trend membimbangkan ditunjukkan termasuklah pembebasan tanpa dilepaskan (DNAA) Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam kes Yayasan Akalbudi dan ketiadaan ketelusan dalam pembangunan projek mega seperti MRT3 dan *High Speed Rail* (HSR).
41. PN-1531-L10906
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan terkini untuk pembangunan semula Hospital Sungai Bakap dan Hospital Bukit Mertajam serta naik taraf Hospital Kepala Batas kerana *Bed Population Ratio* di Seberang Perai adalah jauh di bawah sasaran Kerajaan dan adakah pembangunan-pembangunan tersebut akan diluluskan dalam tahun ini.
42. PN-1531-L11034
Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah syarat-syarat kelayakan menerima bantuan Pendidikan dari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sama ada untuk belajar di universiti tempatan, luar negeri, pra universiti, kolej tempatan dan juga bantuan wang saku.
43. PN-1531-L11376
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kementerian sudah mengenal pasti punca peratusan pendaftaran rakyat yang rendah dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU).
44. PN-1531-L11045
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan konsep penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) yang dicadangkan dan bagaimanakah suruhanjaya tersebut dapat berperanan secara inklusif sebagai pengantara antara pihak konglomerat sektor e-hailing dan p-hailing dengan Kementerian Pengangkutan dalam meleraikan sebarang permasalahan berkaitan kebajikan para penggiat gig.
45. PN-1531-L10648
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan fasa pembinaan Hospital Parit Buntar di daerah Kerian dan bilakah akan beroperasi sepenuhnya.

46. PN-1531-L11151

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan dalam memastikan penghasilan senjata dan peralatan tentera dilakukan oleh syarikat buatan tempatan dan adakah sebarang usaha telah dilakukan serta sejauh mana syarikat-syarikat tempatan telah dibangunkan untuk tujuan ini.

47. PN-1531-L10943

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah hasil keuntungan yang terjana daripada industri pelancongan pada tahun 2023 dan berapakah anggaran pulangan yang diterima daripada pelancong China dan India ke Malaysia melalui inisiatif pengecualian visa bagi sektor pelancongan pada tahun 2026.

48. PN-1531-L10929

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah kesefahaman pihak Kementerian dengan pihak Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam usaha menyelesaikan kemelut ketidakseragaman harga padi dan beras agar tidak merugikan mana-mana pihak serta rakyat terutamanya petani dan pengguna.

49. PN-1531-L11294

Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah calon pelajar yang mengambil mata pelajaran *Science, Technology, Engineering, and Mathematics* (STEM) dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2023 dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperbanyakkan aktiviti kokurikulum berasaskan STEM di peringkat pendidikan rendah untuk memberi lebih masa kepada guru melaksanakan aktiviti bagi menarik minat murid terhadap mata pelajaran STEM.

50. PN-1531-L10703

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini rangka kerja etika bagi kecerdasan buatan (AI) yang disasarkan bermula pada tahun ini.

51. PN-1531-L11115

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian untuk memelihara kebajikan pekerja, meningkatkan kemahiran dan produktiviti tenaga kerja secara keseluruhan di Malaysia.

52. PN-1531-L11096
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam mempromosikan pelancongan domestik bagi merangsang pemulihan ekonomi tempatan.
53. PN-1531-L11420
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah insentif atau bantuan Kerajaan kepada pelabur-pelabur atau peniaga-peniaga warganegara Malaysia di luar negara yang memerlukan bantuan.
54. PN-1531-L11392
Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan faktor-faktor yang mengakibatkan harga beras Malaysia lebih mahal daripada harga beras Thailand sedangkan kedua-duanya merupakan negara penghasil beras.
55. PN-1531-L11074
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pegawai Hal Ehwal Ekonomi MARA mengikut gred perjawatan sehingga 2024 yang terlibat secara aktif dalam meneroka aktiviti baru ekonomi bumiputera yang dapat memantapkan guna tenaga profesional bumiputera untuk meningkatkan pendapatan Kumpulan Bumiputera B40 Luar Bandar.
56. PN-1531-L11131
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan program yang sedang berkuat kuasa dan yang akan dilaksanakan untuk mengawal dan memerangkap pelepasan karbon di bandar-bandar utama di Malaysia termasuk pencapaian terkini.
57. PN-1531-L11258
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah bersepadu yang dirangka oleh Kerajaan bagi mengekang penyebaran pengaruh ideologi LGBTQ dalam negara.

58. PN-1531-L11305

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah kaedah kawalan harga barangan dan bekalan agar tidak membebankan rakyat dan pengguna.

59. PN-1531-L10861

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk melantik seorang wakil dari Sabah sebagai Ahli Lembaga Pengarah MIDA agar kepentingan Kerajaan Negeri Sabah untuk menarik pelabur dapat diwakili di peringkat Kebangsaan.

60. PN-1531-L10838

Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bentuk tindakan tuntas dari pihak Kementerian dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bagi menetapkan peraturan yang jelas bagi mengelakkan pengurusan kelab yang bermasalah kerana terdapat beberapa pengurusan kelab dalam liga domestik gagal membayar gaji pemain sehingga membuatkan para pemain hidup dalam keadaan susah.

61. PN-1531-L11400

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian ke atas cadangan Kerajaan Negeri Sabah untuk penanaman padi secara besar-besaran di tanah milik FELDA di Semenanjung Dent Tungku Lahad Datu, Sabah seluas 11,000 hektar.

62. PN-1531-L10690

Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk mengembalikan penggal persekolahan seperti sedia kala dan apakah masalah yang dihadapi pada masa kini yang mengakibatkan ia tidak dapat dilaksanakan.

63. PN-1531-L11353

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rasional keperluan Kampung Baru Cina diiktiraf oleh UNESCO yang dilihat kewujudannya sekitar 80 tahun sahaja berbanding kewujudan Kampung Melayu lebih beratus tahun lamanya.

64. PN-1531-L10932
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian memantau perihal kebajikan dan memastikan semua permohonan daripada nelayan-nelayan kecil yang telah dibuat melalui agensi-agensi di bawah Kementerian tidak tercicir.
65. PN-1531-L10824
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan mutu pengajian di universiti-universiti tempatan agar setanding dan mampu meletakkan diri dalam 10 universiti terkemuka dunia.
66. PN-1531-L10944
Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status perkembangan Akta Pendanaan Politik dan bilakah Kerajaan bercadang untuk menggubal akta tersebut.
67. PN-1531-L10642
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian berkaitan dengan penubuhan sebuah pusat dialisis di KK Sg. Asap, Belaga.
68. PN-1531-L11214
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
(a) langkah-langkah sokongan dan kebersamaan Kerajaan bersama NGO Malaysia dalam menangani isu kemanusiaan sejagat; dan
(b) jumlah peratusan sumbangan awam yang boleh diambil oleh NGO sebagai kos pengurusan projek.
69. PN-1531-L11186
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk melindungi dan menambah nilai niche produk negara untuk menuju keterbukaan pelaburan bagi membolehkan negara bersaing dalam sesebuah kolam pasaran (*market pool*) FTA besar seperti ASEAN.

70. PN-1531-L11336

Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan trend bilangan pelajar-pelajar yang tidak mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2020, 2021, 2022, 2023 dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menangani isu ini.

71. PN-1531-L11235

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha proaktif Kerajaan dalam mengawal aktiviti import getah sintetik bagi memastikan pasaran getah asli negara tidak terjejas.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah**

(25 Mac 2024)

- | | | | |
|----|------------------|---|--------------------------------|
| 2. | *(D.R.41/2023) | Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | Bacaan Kali Kedua di DR |
|----|------------------|---|--------------------------------|

[Perdana Menteri]

- | | | | | |
|----|-----------------|---|------------|--------------------------------|
| 3. | *(D.R.4/2024) | Rang Undang-undang Tambahan (2023) 2024 | Perbekalan | Bacaan Kali Kedua di DR |
|----|-----------------|---|------------|--------------------------------|

[Menteri Kewangan]

- | | | | | |
|----|-----------------|--|-----------------------|--------------------------------|
| 4. | *(D.R.5/2024) | Rang Undang-undang (Penguntungan Semula Perbelanjaan) 2024 | Perbekalan Peruntukan | Bacaan Kali Kedua di DR |
|----|-----------------|--|-----------------------|--------------------------------|

[Menteri Kewangan]

5. *(D.R.6/2024) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**

[Menteri Dalam Negeri]

6. *(D.R.39/2023) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**

[Menteri Pendidikan Tinggi]

7. (D.R.40/2023) Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

[Perdana Menteri]

8. *(D.R.38/2023) Rang Undang-undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**

[Perdana Menteri]

9. *(D.R.37/2023) Rang Undang-undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Permerbadanan) (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**

[Menteri Kerja Raya]

10. *(D.R.2/2024) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua di DR**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

11. *(D.R.35/2023) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua di DR**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

- | | | | |
|-----|-----------------|--|-------------------------------------|
| 12. | *(D.R.1/2024) | Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 13. | *(D.R.3/2024) | Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 14. | *(D.R.7/2024) | Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua di DR |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] | |
| 15. | (D.R.28/2023) | Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 | Bacaan Kali Kedua dan Ketiga |
| | | [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] | |
| 16. | (D.R.29/2023) | Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Kedua dan Ketiga |
| | | [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] | |

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.